

**KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN & AL-SUNNAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA**



**PEPERIKSAAN
SIJIL PENGAJIAN AL-HADITH**

MODUL IV

**HADITH-HADITH HUKUM :
HAJI & UMRAH**

JANUARI 2016

MASA : 1 JAM

ARAHAN KEPADA PESERTA:

1. Jangan buka kertas soalan ini sehingga diberitahu.
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk ke dalam dewan peperiksaan apa jua barang atau dokumen yang tidak dibenarkan.
3. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** soalan sahaja.
4. Peserta dikehendaki menjawab **SEMUA SOALAN** di **BAHAGIAN A** dan **SATU (1)** soalan sahaja di **BAHAGIAN B**.

(Kertas soalan ini mengandungi 3 soalan dalam 3 halaman bercetak)

SILA JAWAB SEMUA SOALAN DI BAHAGIAN A DAN JAWAB SATU SOALAN SAHAJA DARI BAHAGIAN B

Bahagian A :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ - رضي الله عنه: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ - صلى الله عليه وسلم - قَالَ: «الْعُمْرَةُ إِلَى الْعُمْرَةِ كَفَّارَةٌ لِمَا بَيْنَهُمَا، وَالْحُجُّ الْمَبُرُورُ لَيْسَ لَهُ جَزَاءٌ إِلَّا الْجَنَّةُ». مُتَّفَقُ عَلَيْهِ.

- a. Berikan makna umum dan terjemahan kepada hadith di atas.
- b. Jelaskan ganjaran yang diperolehi dalam pelaksanaan haji dan umrah.
- c. Apakah yang dimaksudkan dengan haji mabruk dan berikan 3 kriteria untuk memperolehi haji mabruk.
- d. Berdasarkan hadith di atas, jumhur ulama menggalakkan umrah dilakukan secara berulangkali walaupun dilakukan di dalam tahun yang sama bagi mendapatkan fadhilat pengampunan dosa. Walau bagaimanapun mereka berbeza pendapat dalam kes melakukan umrah secara berturut-turut dalam satu perjalanan (mualat al-umrah). Berdasarkan kes di bawah, berikan pandangan anda berserta hujjah :

“ Seorang Imam yang berumur sekitar 60an dan termasuk dalam asnaf zakat (miskin) telah dipilih oleh sebuah syarikat swasta untuk menunaikan umrah. Beliau bercadang untuk menunaikan umrah secara berulang kali (mualat) dan apakah pendapat anda”.

(30 markah)

Bahagian B : Sila pilih satu sahaja soalan dari bahagian ini.

Soalan 1

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ: قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ! عَلَى النِّسَاءِ جِهَادٌ؟ قَالَ: «نَعَمْ، عَلَيْهِنَّ جِهَادٌ، لَا قِتَالَ فِيهِ: الْحُجُّ، وَالْعُمْرَةُ». رَوَاهُ أَحْمَدُ، وَابْنُ مَاجَةَ وَاللَّفْظُ لَهُ، وَإِسْنَادُهُ صَحِيحٌ. وَأَصْلُهُ فِي الصَّحِيحِ.

- a. Berikan makna umum dan terjemahan kepada hadith di atas.
- b. Berikan maksud perkataan **جِهَادٌ** dan kaitannya dengan haji dan umrah terhadap wanita.
- c. Berikan perbezaan perkataan **الصَّحِيحِ** dan **صَحِيحٌ** dalam komentar hadith di atas.
- d. Berikan 3 pengajaran dari hadith di atas.

(20 markah)


Soalan 2

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا : أَمْرَهُمُ النَّبِيُّ - صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - أَنْ يَرْمُلُوا ثَلَاثَةَ أَشْوَاطٍ، وَيَمْشُوا أَرْبَعًا، مَا بَيْنَ الرُّكْنَيْنِ. مُتَّفَقُ عَلَيْهِ.

- a. Berikan makna umum dan terjemahan hadith di atas.
- b. Perkataan **رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا** sering ditemui dalam pengajian hadith. Berikan pengertian dari sudut bahasa dan maksud penggunaan perkataan tersebut.
- c. Berikan perbezaan di antara perkataan **يَرْمُلُوا** dan **يَمْشُوا** di dalam hadith di atas.
- d. Berikan 3 pengajaran dari hadith di atas.

(20 markah)

**KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN & AL-SUNNAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA**



**PEPERIKSAAN
KURSUS PENGAJIAN AL-HADITH**

MODUL IV

**HADITH-HADITH HUKUM :
HAJI & UMRAH**

**OGOS 2016
JAM**

MASA : 1

ARAHAN KEPADA PESERTA:

1. Jangan buka kertas soalan ini sehingga diberitahu.
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk ke dalam dewan peperiksaan apa jua barang atau dokumen yang tidak dibenarkan.
3. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** soalan sahaja dan setiap soalan mempunyai **25 markah**.
4. Peserta dikehendaki menjawab **SATU (1)** soalan sahaja.

(Kertas soalan ini mengandungi 2 soalan dalam 2 halaman bercetak)

Arahan : Jawab SATU (1) soalan sahaja

Soalan Pertama

- (1) Sebutkan amalan-amalan haji dan umrah.
- (2) Sebutkan meqat makani/ tempat dan zamani/masa bagi ibadat haji dan umrah.
- (3) Sebutkan jenis-jenis Haji sertakan dengan huraian secara padat dan ringkas.
- (4) Sebutkan **LIMA (5)** sempadan Tanah haram Mekah, jelaskan sempadan haram manakah merupakan yang paling jauh dari kota Mekah dan jaraknya berapa km?

[25 Markah]

Soalan Kedua

- (1) Apakah hukum badal haji dan badal umrah dalam Islam.
- (2) Apakah hukum melakukan ibadah umrah dalam bulan-bulan haji dan bulan Ramadhan.
- (3) Sebutkan amalan-amalan haji mengikut tarikh-tarikh berikut ; 8hb-13hb Zulhijjah.
- (4) Berikan makna untuk mufradat-mufradat berikut :
 - a) Al-Muhalliqin
 - b) Al-Muqassirin
 - c) Al-Jumrah
 - d) Al-Fidayah
 - e) Al-wida'
 - f) Al-Zad.

[25 Markah]